

NO SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK DR. EWON EBIN
[RANAU]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB. Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- a) apakah keputusan muktamad Kerajaan mengenai dengan cadangan mengenakan Levi Hospitaliti (Tourism Service Fee-TSF) ke atas pemain industri pelancongan di negeri Sabah dan Sarawak; dan
- b) apakah impak positif dan negatif TSF, ini kepada industri pelancongan negara amnya dan negeri Sabah khususnya.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan Fi Perkhidmatan Pelancongan (*Tourism Services Fee-TSF*) kini telah ditukarkan kepada *Tourism Promotion Fee* (TPF) kerana ianya adalah istilah yang lebih tepat bagi menggambarkan tujuan TPF.

Kadar terkini TPF yang telah diputuskan adalah seperti berikut:

- a) premis penginapan bertaraf 5 bintang : RM20 bilik/malam
- b) premis penginapan bertaraf 4 bintang : RM10 bilik/malam
- c) premis penginapan bertaraf 1 hingga 3 bintang : RM5 bilik/malam; dan
- d) premis penginapan bertaraf orkid dan *non rate accommodation* : RM2.50

Kutipan TPF akan menggunakan platform sistem kutipan *online* yang diselenggara oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

TPF adalah merupakan inisiatif baru kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara. Kutipan TPF ini juga akan disalurkan ke setiap negeri

bagi tujuan mempromosikan pelancongan di peringkat negeri termasuk di Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, TPF akan memudahkan Kerajaan dalam membangunkan sektor pelancongan secara lebih strategik, terancang dan menyeluruh termasuklah dengan mengambil kira kepentingan dan keperluan pihak-pihak berkuasa negeri berkaitan pembangunan pelancongan.

Selepas mengambilkira semua pandangan, kerajaan yakin dana yang dikutip akan dapat menambah hasil kerajaan dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk mempertingkatkan usaha promosi dan pembangunan industri pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.